

Noor Mohamad
Shakil Hameed

Apabila malang berbau

Kemalangan jalan raya terutama kemalangan maut di negara kita dilihat semakin sukar dikawal. Hampir setiap hari, pihak media melaporkan pelbagai kemalangan ngeri yang meragut nyawa, terutama nyawa pengguna jalan raya yang lain. Umum setuju sikap pemandu terutama sikap cuai mengundang padah kepada diri sendiri dan juga orang lain, namun masalah ini tetap tidak dapat ditangani sehingga kini.

Baru-baru ini, empat warga Singapura maut, termasuk seorang kanak-kanak, manakala empat lagi cedera dalam kemalangan membabitkan lima kenderaan di Port Dickson. Mengikut pihak berkuasa kejadian berpunca apabila sebuah lori gagal memberhentikan kenderaan dan melanggar tiga kereta dan sebuah motosikal yang berhenti di lampu isyarat persimpangan jalan.

Sebelum ini, banyak lagi kejadian seumpama ini dilaporkan terutama kes langgar lampu isyarat sehingga membunuh orang lain serta kemalangan kenderaan berat lain seperti bas yang jatuh gaung mahupun terbalik sehingga mengorbankan sejumlah besar nyawa penumpang yang tidak bersalah.

Kesimpulannya mudah, semua pihak setuju betapa hampir semua kejadian seperti ini berpunca daripada sikap pemandu cuai, ambil mudah nyawa orang lain serta ego ketika berada di jalan raya. Buatlah sebanyak mana sekalipun kempen keselamatan jalan raya termasuk sekatan serta penguatkuasaan, namun pemandu degil seperti ini tetap degil dan terus mengancam nyawa pengguna jalan raya lain.

Buktinya, kita boleh semak statistik kemalangan yang direkodkan pihak berkuasa membabitkan kecuaian pemandu kenderaan berat seperti lori dan bas yang jelas kelihatan cukup banyak dan merisaukan. Malah, kajian demi kajian yang dijalankan juga merumuskan sikap pemandu menjadi faktor utama kemalangan di negara kita.

Persoalannya, sampai bila keadaan ini akan berterusan dan sampai bila nyawa pengguna jalan raya yang tidak bersalah ini umpama telur di hujung tanduk? Apa yang berlaku sekarang ialah seperti kata ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Tan Sri Lee Lam Thye, nasib penumpang dan orang awam kini seolah-olah bergantung kepada 'belas ihsan' pemandu bas dan kenderaan berat.

Apakah ini adil bagi orang awam? Sampai bila kita mahu biarkan pembunuhan berlesen ini terus bermaharajalela dan memandu sesuka hati ketika berada di atas jalan raya. Ego dan sikap mereka menyebabkan

kemalangan maut terus meningkat.

Penulis percaya satu-satunya cara yang boleh mengubah senario ini ialah perlu perubahan sikap dalam kalangan pemandu di negara kita. Pemandu kita perlu berubah daripada sikap cuai, ego, panas baran dan mementingkan diri kepada sikap berhemah, sabar, tenang, mengawal emosi serta menghormati hak pengguna jalan raya yang lain. Hanya sikap seperti ini akan membantu mewujudkan golongan pemandu yang kita mahukan. Hakikatnya kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa dan betul kita tidak boleh melawan takdir, namun sekurang-kurangnya kita telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya. Jadi, semua pihak perlu fokus kepada usaha mengubah sikap pemandu kita.

Ironinya, sikap negatif sudah sebatи dalam diri kita dan ia tidak boleh diubah dalam sekilip mata. Tambahan pula, bukan mudah untuk kita mengubah dan membentuk sikap orang lain terutama orang dewasa yang sudah hidup dengan sikap seperti itu sekian lama. Jadi, inilah cabaran besar yang kita hadapi sekarang, golongan pemandu dewasa, senior dan veteran yang sudah sebatи dengan sikap cuai dan acuh tak acuh terus degil dan menyusahkan semua orang.

Dalam konteks ini, kita sangat

berharap semua kemalangan maut yang berlaku selama ini akan sedikit sebanyak menjadi iktibar, memberi peringatan dan mesej kepada semua pemandu. Ia seterusnya menginsafkan mereka supaya lebih berhati-hati dan secara perlahan-lahan dapat mengubah sikap negatif masing-masing.

Pesan kepada semua pemandu kenderaan berat sedarlah betapa jalan raya adalah kawasan umum dan semua orang mempunyai hak yang sama untuk menggunakan. Jadi, tidak perlulah kita 'berlagak somborg' hanya kerana kita memandu kenderaan yang lebih besar dari orang lain dan sentiasa berharap orang lain akan mengalah dan memberi lauan kepada kita.

Berbalik kepada isu sikap, penulis yakin kita perlu memulakannya dari peringkat akar umbi. Di samping, kita berharap golongan dewasa yang sedia ada ini akan insaf dan berubah, fokus kita sepatutnya perlu terarah kepada golongan muda terutama kanak-kanak dan remaja. Hal ini kerana golongan ini masih mentah dan boleh dilentur serta dibentuk mengikut acuan yang kita kehendaki.

Jadi, usaha lebih proaktif perlu dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah supaya kita dapat menerap dan menanamkan sikap pemanduan yang lebih positif dan berhemah dalam

kalangan bakal pemandu kita ini.

Buat masa ini, mungkin sudah ada sedikit elemen pengajaran dan pendidikan yang diterapkan dalam silibus di sekolah, namun percayalah ia perlu dilaksanakan dengan lebih agresif dan proaktif. Kita tidak boleh lagi bergantung harap kepada teori semata-mata iaitu membaca dalam buku dan guru mengajar dalam bilik darjah sebaliknya sudah tiba masanya untuk kita bergerak ke arah pendidikan dan pengajaran yang lebih menekankan aspek praktikal dalam dunia sebenar.

Dedahkan anak-anak kita kepada kejadian sebenar yang sedang berlangsung, tunjuk kepada mereka apa natijahnya, anda kita cuai, baran dan ego ketika memandu. Biar mereka lihat dengan mata kepada sendiri agar boleh mewujudkan keinsafan dari sekarang.

Jadi, apa yang penting ialah kita perlu fokus kepada langkah untuk membentuk dan menerapkan sikap positif dalam minda dan diri anak-anak kita sejak di bangku sekolah lagi.

Dalam hal ini, ibu bapa juga perlu memainkan peranan sewajarnya. Sebagai individu yang paling rapat dengan anak-anak kita patut menerapkan sikap positif secara berterusan. Paling mudah kita boleh tunjuk kepada mereka ketika kita sedang memandu sikap positif yang patut diamalkan. Percayalah anak-anak

akan cepat tangkap dan melekat dalam minda mereka apa yang mereka lihat hari-hari. Jadi ibu bapa jangan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Tunjukkanlah contoh dan suri teladan yang baik kepada anak-anak kita.

Dalam pada itu penulis juga bersetuju dengan pandangan pihak MKJR yang menggesa kerajaan memperkenalkan hukuman penjara mandatori terhadap pemandu yang dibuktikan cuai dan tidak berhemah sehingga membahayakan nyawa pengguna jalan raya yang lain.

Mengikut rekod pada masa ini, Seksyen 41 (1), Akta Pengangkutan Jalan (AP) 1987 memerlukan hukuman penjara antara dua hingga 10 tahun dan denda antara RM5,000 hingga RM20,000 bagi kesalahan berkenaan. Jadi elok pihak kerajaan menyemak semula hukuman yang sedia ada ini agar dapat benar-benar menghukum pembunuhan berlesen ini yang mengancam nyawa orang lain.

Hukuman yang lebih berat diharap dapat mencetuskan rasa gerun dan takut dalam kalangan pemandu degil.

Semoga tahun ini kita dapat mengurangkan statistik kemalangan terutama nahas maut di negara kita.

Penulis Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan UPM